

Suqui cabar kontrak sosial

BH 12 DEC 2000

“Suqui perlu ditegur kerana mencabar kontrak sosial dan cuba merebut semua untuk satu kaum, kononnya melalui hak sama rata dan meritokrasi, yang ditolak orang Melayu setengah abad dulu”.

– Dr Mahathir Mohamad

**Oleh Zulkifly Jamaluddin dan
Munaarfah Abu Bakar**

KUALA LUMPUR, Isnin – Jawatankuasa Rayuan Pilihanraya Persatuan-persatuan Cina (Suqui) mencabar kontrak sosial yang menjadi asas pembentukan Malaysia apabila mendesak kerajaan memenuhi 83 tuntutannya baru-baru ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, jika semua tuntutan itu dipenuhi, kerajaan terpaksa mengetepikan Perlembagaan dan membelakangkan kontrak sosial yang menjadi asas negara ini.

Malah, Perdana Menteri berkata, sekiranya semua tuntutan yang terkandung dalam memorandum mengandungi 17 tajuk itu dilayan, Malaysia juga tidak lagi aman dan tidak mungkin maju.

“Suqui perlu ditegur kerana mencabar kontrak sosial dan cuba merebut semua untuk satu kaum, kononnya melalui hak sama rata dan meritokrasi, yang ditolak orang Melayu setengah abad dulu.

“Umumnya, tuntutan Suqui ialah supaya orang Cina mendapat semua yang mereka anggap sebagai hak mereka. Inilah maksud dan hasil daripada memansuhkan perbezaan antara Bumiputera dan bukan Bumiputera. Seperti juga dengan Malaysian Malaysia, yang dituntut ialah hak sama rata dan meritokrasi.

“Sebagai Perdana Menteri, saya bertanggungjawab terhadap keamanan dan keselamatan negara. Saya tahu sebarang percubaan untuk merampas hak Melayu dan Bumiputera akan menyebabkan huru-hara berlaku,” katanya ketika menjawab soalan Kerk Kim Hock (DAP-Kota Melaka) pada

LHAT MUKA 2

Semua kaum mesti sanggup berkorban

DARI MUKA 1

BH

1 2 DEC 2000

sesi soal jawab di Dewan Rakyat, hari ini.

Kerk bertanyakan Perdana Menteri apa dimaksudkannya dalam perutusan Hari Kebangsaan apabila menyatakan Suqui tidak banyak berbeza dengan komunis yang hendak menghapuskan sama sekali kedudukan istimewa orang Melayu.

Dr Mahathir menegaskan, sebarang percubaan untuk merampas hak orang Melayu dan Bumiputera yang dipersetujui bersama oleh kaum Melayu, Cina dan India, akan menyebabkan berlaku huru hara.

Katanya, kesan tuntutan Suqui itu tidak menjadi serius dan tidak berlaku rusuhan kali ini kerana beliau sendiri melarang Pemuda Umno dan kumpulan orang Melayu lain daripada bertindak memprotes secara keras.

Bagaimanapun, Suqui meneruskan juga tuntutan mereka dan sikap tidak mengendahkan larangan

untuk tidak membangkitkan isu sensitif dan tidak menghormati kontrak sosial, dasar negara dan arahan kerajaan itu, adalah sama dengan sikap komunis.

"Tindakan mereka tidak menghormati hak kaum lain adalah sama dengan Al-Ma'ulah," katanya.

Sambil mengimbas kembali keadaan ketika negara baru merdeka, Dr Mahathir berkata lebih sejuta bukan Melayu diberi kerakyatan Persekutuan Tanah Melayu selepas mereka bersejutu dan mengiktiraf orang Melayu sebagai Bumiputera, anak watan dengan hak istimewa.

"Dengan perkataan lain, orang Melayu sanggup cairkan dominasi mereka dalam politik kerana ingin mengiktiraf hak bukan Melayu dan menerima konsep negara berbilang kaum," tegasnya.

Beliau berkata, bakiat bahawa tidak ada manamana kaum akan mendapat semua yang dianggap

sebagai hak oleh mereka sudah diterima di negara ini. Semua kaum mesti berkorban sedikit supaya hak orang lain tidak terhakis.

Perdana Menteri berkata, jika dihentikan *affirmative action* (termasuk tuntutan oleh Suqui mengenai persamaan hak) maka prestasi orang Melayu dan Bumiputera lain akan merosot.

"Mereka akan kembali menjadi kaum yang termiskin dan terasing di negara mereka sendiri. Sudah tentu ketegangan akan berlaku dalam hubungan mereka dengan kaum-kaum lain.

"Jika ini yang berlaku, keamanan tidak lagi boleh dijamin dan kemajuan negara juga akan tergugat," katanya.

Beliau juga menjelaskan, tegurannya hanyalah terhadap kumpulan Suqui, terutama pemimpin tertentu mereka.

Bagaimanapun, mereka dengan akhbar Cina tertentu menjadikan teguran itu seolah-olah ditujukan

kepada masyarakat Cina keseluruhannya.

"Jika orang Cina berasa tersinggung kerana salah faham yang disengajakan oleh Suqui dan akhbar tertentu, saya mohon maaf," kata Dr Mahathir.

Menjawab soalan tambahan Kerk, Dr Mahathir bertanya apakah Suqui yang mendakwa mewakili 2,000 pertubuhan mengadakan mesyuarat dan membincangkan secara mendalam semua 83 tuntutan.

"Kalau perkara yang sebegini serius hendak dibuat di Malaysia, di mana penduduk berbilang kaum sensitif terhadap hak masing-masing, tentulah satu rundingan perlu dibuat dan terbuka kepada orang ramai.

"Kita juga nak tahu apakah yang mereka rundingkan. Apakah satu persatu daripada 83 tuntutan dirunding oleh 2,000 persatuan Cina dan mereka memberi pandangan dan bersetuju?" katanya.